

**KEBERKESANAN “PEMBIMBING RAKAN SEBAHASA” DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK**

Oleh

Evelyn Terrence

Sek. Men. Keb. Engkilili,
95800 Sri Aman.

Abstrak


Kajian ini saya jalankan untuk melihat bagaimana “Pembimbing Rakan Sebahasa” membantu Alex dan Bety lebih memahami tajuk Ubahan Songsang dalam Matematik Tingkatan 5. Dua orang pelajar Iban ini merupakan pelajar Tingkatan 5A3 di SMK Engkilili. Walaupun mereka pintar, ada kalanya yang seorang lebih menguasai kemahiran tertentu berbanding yang seorang lagi. Kaedah pengumpulan data yang saya gunakan ialah temubual, pemerhatian, penulisan diari kajian dan analisis dokumen (sukatan pelajaran dan buku latihan pelajar). Setelah menganalisis data-data yang dikumpul, saya mendapati Alex dan Bety lebih mudah menguasai kemahiran mencari nilai pemalar bagi ubahan songsang setelah menggunakan pendekatan “Pembimbing Rakan Sebahasa”. Saya berasa gembira dengan hasil dapatan ini dan cuba meluaskan penggunaan pendekatan ini kepada pelajar-pelajar lain di Tingkatan 5A3. Saya bercadang menggunakan khidmat Alex dan Bety membantu rakan-rakan mereka yang lemah dalam Matematik.

LATAR BELAKANG KAJIAN

SMK Engkilili merupakan sebuah sekolah luar bandar yang terletak kira-kira 33 km dari bandar Sri Aman. Para pelajar SMK Engkilili terdiri majoriti daripada bangsa Iban, diikuti oleh bangsa Cina, Melayu dan India. Tahun 2005 merupakan tahun kedua saya mengajar mata pelajaran Matematik Tingkatan 5 di SMK Engkilili. Saya mengajar pelajar Tingkatan 5A3 yang berjumlah 31 orang iaitu 27 orang pelajar berbangsa Iban dan 4 orang pelajar berbangsa Cina. Daripada 31 orang pelajar itu, hanya 5 orang sahaja yang dapat menguasai kemahiran asas Matematik dengan baik. Selebihnya memerlukan bimbingan yang intensif.

TINJAUAN AWAL

Daripada pemerhatian saya, Alex dan Bety sentiasa memberi perhatian semasa saya mengajar. Jika mereka tidak tahu menjawab soalan Matematik yang diberi, mereka terus menanya saya. Alex dan Bety adalah dua daripada lima pelajar pintar di Tingkatan 5A3. Alex duduk bersebelahan dengan Dev sementara Bety duduk bersebelahan dengan Sue seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Tempat duduk sebahagian pelajar Tingkatan 5A3

Apabila menghadapi masalah, Alex selalu ke meja Bety dan Sue untuk berbincang. Saya berasa hairan dan tertanya-tanya kenapa Alex lebih kerap berbincang dengan Bety berbanding dengan Tay sedangkan kedudukan Tay lebih dekat dengan Alex. Adakah Alex (berbangsa Iban) lebih mudah berbincang dengan Bety (berbangsa Iban) dalam bahasa Iban? Adakah Alex kurang faham berbincang dengan Tay (berbangsa Cina) menggunakan Bahasa Melayu? Persoalan saya terjawab setelah saya menemu bual Alex dan Bety.

Bety : Bila orang Cina dengan Cina belajar Matematik mereka suka cakap Cina.

Alex : Susah berinteraksitidak sama bahasa.

Dari masalah bahasa inilah timbul idea saya untuk menggunakan "Pembimbing Rakan Sebahasa" yang diubah suai daripada pembelajaran koperatif (Lim Keat Heng et. al, 2001). Tambahan pula melalui pemerhatian saya, pelajar-pelajar yang lemah lebih mudah berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka. Mereka lebih memahami sesuatu kemahiran apabila ia diterangkan oleh rakan yang bertutur dalam bahasa yang mereka gunakan semasa menanyakan soalan. Saya sedar bahawa keputusan ini mungkin bercanggah dengan dasar bahasa kebangsaan. Timbul dilema di sini bagi saya iaitu dilema pedagogi (yang mementingkan pendekatan, teknik pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan pembelajaran berlaku) lawan dilema memenuhi kehendak kurikulum dan dasar pendidikan. Akhirnya, saya berputus menggunakan pendekatan yang memberi manfaat terbesar kepada pelajar saya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. menambah baik amalan sendiri iaitu daripada berfokuskan guru kepada berfokuskan pelajar melalui pendekatan "Pembimbing Rakan Sebahasa";
2. menggalakkan penglibatan aktif para pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Matematik melalui pendekatan "Pembimbing Rakan Sebahasa"; dan
3. mengkaji bagaimana "Pembimbing Rakan Sebahasa" membantu Alex dan Bety lebih memahami tajuk Ubahan Songsang dalam mata pelajaran Matematik Tingkatan 5.

PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian yang hendak dijawab dalam kajian ini ialah:

1. Apakah "Pembimbing Rakan Sebahasa?"
2. Bagaimana menambah baik amalan sendiri?
3. Bagaimana pelajar libatkan diri secara aktif?

TINDAKAN DAN DAPATAN KAJIAN

Pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran, dengan menggunakan satu contoh penyelesaian, saya menerangkan langkah-langkah untuk mencari nilai pemalar bagi ubahan songsang. Kemudian saya beri latihan kepada pelajar. Mereka bebas memilih pasangan untuk membincangkan latihan tersebut asalkan mereka boleh berkomunikasi dengan jelas menggunakan bahasa Iban atau bahasa Cina. Rakan yang dipilih mestilah boleh membimbing pasangannya. Saya pula hanya memantau mereka dan membimbing pasangan pelajar yang bermasalah apabila mereka memanggil saya. Sebenarnya teknik ini merupakan teknik yang diperkenalkan ekoran daripada insiden yang pernah berlaku.

Pada suatu ketika, semasa pelajar sedang menyelesaikan soalan berkaitan ubahan songsang, saya terdengar keluhan Alex, "Jika saya diletakkan dalam gua selama dua hari untuk menyelesaikan soalan ini....tak juga saya dapat selesaikan..." (dengan nada kecewa). Lantas saya meminta Bety membantu Alex untuk menerangkan cara-cara mencari nilai pemalar k bagi ubahan songsang yang diberi. Saya memerhatikan Bety menerangkan langkah demi langkah mencari nilai pemalar k kepada Alex. Wajah Alex yang kelihatan kebingungan menunjukkan beliau masih belum faham penerangan Bety. Bety dengan sabar menerangkan sekali lagi dengan menggunakan bahasa Iban. Selepas itu barulah muka Alex nampak ceria dan beliau boleh tersenyum sambil berkata, "O...begini rupanyabarulah saya faham...." Soalan yang seterusnya Alex selesaikan sendiri tanpa bimbingan Bety. Saya dapati penyelesaian yang ditulis dalam buku latihannya itu betul. Melalui peristiwa ini saya mendapati bimbingan rakan sebahasa amat berkesan untuk lebih memahami sesuatu kemahiran yang saya telah ajar dengan menggunakan bahasa Melayu pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran.

Semasa pelajar membuat latihan, saya bergerak dari meja ke meja untuk melihat hasil kerja pelajar. Apabila pelajar berbincang dengan pasangan masing-masing, saya boleh tumpukan lebih perhatian terhadap pelajar-pelajar yang sangat lemah. Ini dapat dilakukan kerana "Pembimbing Rakan Sebahasa" boleh membimbing rakannya yang kurang mahir. Ini jelas berbeza daripada amalan sendiri saya yang terdahulu. Sekiranya dahulu, suara saya sering kedengaran dalam kelas tetapi kali ini situasi terbalik pula berlaku di mana Pembimbing Rakan memainkan peranan yang lebih. Pelajar yang tidak faham boleh bertanya kepada pasangannya yang lebih faham kemahiran yang diajar. Mereka tidak malu untuk bertanya rakan kerana bahasa komunikasi yang digunakan mudah dan kurang formal.

Berikut adalah sebahagian daripada temu bual di antara saya dengan Alex dan Bety pada 29 Jun 2005 di Bilik Guru:

- Saya : *Apabila cikgu menerangkan sesuatu konsep/kemahiran dalam Matematik menggunakan bahasa Melayu, adakah anda faham dengan sepenuhnya atau sedikit sahaja?*
- Bety : *Faham sepenuhnya cikgu.*
- Saya : *Anda lebih suka pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik dibuat dalam bahasa Melayu atau bahasa Iban?*
- Alex : *Bahasa Melayu, cikgu.*
- Bety : *Selepas berbincang lebih faham.*
- Saya : *Perbincangan dalam bahasa apa?*
- Alex,Bety : *Bahasa Iban.*
- Saya : *Tentang Pembimbing Rakan Sebahasa ini....sangat membantu kamu?*
- Alex : *Ya*
- Saya : *Kenapa?*
- Alex : *Sebab senang....em....*
- Saya : *Senang berinteraksi?*
- Alex : *Aa...a*

Daripada temu bual yang dijalankan saya mendapati Pembimbing Rakan Sebahasa banyak membantu kefahaman Alex dalam kemahiran mencari nilai pemalar ubahan songsang.

REFLEKSI

Semasa di maktab perguruan, saya telah didedahkan dengan penyelidikan tindakan tetapi sehingga peringkat menulis kertas cadangan sahaja. Kali kedua mempelajari penyelidikan tindakan membuatkan saya seronok kerana dapat meneruskan hingga ke peringkat melaksanakan dan menulis laporan. Walaupun di peringkat menganalisis data tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, saya tidak berputus asa. Kegagalan ini adalah disebabkan oleh kurangnya maklumat yang diperolehi daripada data-data yang dikumpul saya.

Semasa menyiapkan laporan, saya menghadapi masalah untuk mengarang. Saya mengambil masa yang lama untuk menyusun dan menyambungkan jawapan-jawapan bagi segala persoalan yang dikemukakan dengan menggunakan kaedah 5W1H. Saya juga tidak dapat memberi bukti-bukti yang kukuh untuk menyokong kesimpulan saya kerana kekurangan data dan artefak.

Walaupun berasa kecewa kerana laporan yang dibuat tidak sebaik yang diharapkan, saya tidak berputus asa. Saya ingin mencuba lagi. Penyelidikan tindakan penting untuk saya menambah baik amalan pengajaran saya bagi meningkatkan kefahaman pelajar untuk menguasai kemahiran yang diajar.

BIBLIOGRAFI

- Arhar, J.M., Holly, M.L., & Kasten, W.C.(2001). *Action research for teachers: Travelling the yellow brick road*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.

Lim Keat Heng, Zaliha Musa & Adrian Luat. (2001). *Struktur-struktur Pembelajaran Koperatif*. Kota Samarahan : Maktab Perguruan Tun Abdul Razak

Lim S.H, Koo S.H, Chong & Samadi b. Hashim. (2002). *Matematik Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Huraian Sukatan Pelajaran Matematik Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia

Ringkasan Sesi

Soalan 1: Salah satu dasar pelajaran ialah merapatkan jurang bangsa dalam kelas. Adakah tindakan/amalan yang digunakan boleh merenggangkan hubungan berbilang kaum? (En. Napie)

Jawapan: Ini tidak menjejaskan hubungan kerana mereka lebih mudah belajar Matematik (Cikgu Evelyn).

Komen: Pandangan saya ialah kebanyakan pelajar adalah dari SJKC. Jadi, tiada masalah untuk berbahasa Cina bagi pelbagai bangsa (Cikgu Abang Adenan).

Jawapan: Walaupun mereka boleh saling berbahasa Cina, akan tetapi dalam kes ini kawannya tidak memahami bahasa Cina (Cikgu Evelyn).

Komen: Peranan penyelidik harus mengambil kira realiti dunia. PT tidak menitikberatkan aspek teknikal sahaja tetapi juga mengambil kira situasi murid. Ini juga merupakan isu pedagogi serta dilema yang dihadapi oleh penyelidik PT. Kalau dapat, terangkan maksud PRS (Pn. Chuah).

Soalan 2: Bagaimana kawalan kelas kerana pelajar hanya mencari pasangan mereka untuk belajar Matematik? Jika boleh, tunjukkan RPH (Cikgu Abang Adenan).

Jawapan: Kawalan kelas pada p&p ditekankan (Cikgu Evelyn).

Komen: Tahniah kerana tajuk menarik. Dicadangkan dikaji keberkesanan PRS dengan mengadakan pra dan ujian pos (Cikgu Serina).

Dilaporkan oleh:

Cikgu Mary Kong
Sek. Jenis Keb. Cina Chung Hua Bangkong